

1982

KUALA LUMPUR, 9 MAC. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN KEPADA GOLONGAN YANG MENABUR FITNAH TERHADAP USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA DAN MEMAJUKAN RAKYAT BAHAWA PERBUATAN ITU SANGAT BAHAYA.

KATANYA JIKA TIDAK DIAWASI DAN DIKAWAL, PERBUATAN ITU AKAN MENIMBULKAN KESAN-KESAN YANG BOLEH MENGANCAM KETENTERAMAN AWAM DAN KESELAMATAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA KEBEBASAN BERCAKAP DAN MENGELUARKAN PENDAPAT MENGIKUT PRINSIP-PRINSIP DEMOKRASI DI NEGARA INI ADA BATAS-BATASNYA SEPERTI YANG DIPERUNTUKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG YANG ADA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB SOALAN HAJI HASHIM RAZALI (BN-MATANG) YANG BERTANYA SAMADA PERDANA MENTERI SEDAR TENTANG ORAG ISLAM YANG MENABUR FITNAH MEMBURUKKAN USAHA-USAHA KERAJAAN DAN APA TINDAKAN TERHADAP MEREKA.

--BERSAMBUNG 1736/AN

#### PARLIMEN-FITNAH 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN PERBUATAN ITU SEBAGAI KOTOR DAN JIJIK DI SISI AGAMA ISLAM.

IA MEMESONGKAN RAKYAT DARIPADA MENIKMATI FAEDAH DARIPADA USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN KEHIDUPAN MEREKA SEPERTI KEHENDAK ISLAM, KATANYA.

GOLONGAN MEMBUAT FITNAH ITU, KATANYA LAGI SENGAJA TIDAK MAHU MELIHAT RAKYAT MAJU DAN SEBALIKNYA SUKA RAKYAT TERUS MENDERITA SUPAYA MEREKA DARAT MEMANCIING SESUATU BAGI DIRI MEREKA DARIPADA PENDERITAAAN RAKYAT.

MENJAWAB SOALAN DATUK HAJI ABU BAKAR-UMAR (PAS-KOTA SETAR) PERDANA MENTERI MENIMBULKAN GELAK KETAWA GEMURUH.

DALAM JAWAPANNYA PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK LANGSUNG MENYENTUH ATAU MENYEBUT PAS TETAPI MUNGKIN AHLI ITU MENGEMUKAKAN SOALAN KERANA TERASA PEDASNYA.

DATUK ABU BAKAR UMAR BERTANYA PERDANA MENTERI ADAKAH BELIAU INGIN MENGGAMBARCAN BAHAWA PAS TERLIBAT DALAM PERBUATAN MENABUR FITNAH ITU.

--BERSAMBUNG 1939/AN

B627

#### PARLIMEN-FITNAH 3 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SOALAN ENCIK NAKHAIE HAJI AHMAD (PAS-BALING) PULA PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BUKANLAH TAKUT ATAU TIDAK TAHAN MENERIMA KRITIK MALAHAN SANGGUP MENERIMA KECAMAN.

MASALAH YANG AKAN TIMBUL BUKAN DI PIHAK KERAJAAN TETAPI AKAN MELIBATKAN RAKYAT KERANA PEMIKIRAN MEREKA DISELEWENGGAN DARI KEBENARAN.

MISALNYA, KESAN DARIPADA DAKYAH PENABUR FITNAH ITU ADA RAKYAT BERSEMBAHYANG DI TEMPAT-TEMPAT YANG DITAMPALKAN SIMBOL PARTI POLITIK.

MENJAWAP SOALAN WAN MOHAMAD NAJIB MOHAMAD (BN-PASIR PUTIH), PERDANA MENTERI BERKATA PERBEZAAN ANTARA STRATEGI PENABUR FITNAH DENGAN KOMUNIS IALAH PIHAK PERTAMA ITU 'BODOH SEDIKIT' DARIPADA KOMUNIS.

PENABUR FITNAH TIDAK FAHAM TENTANG KESAN PERBUATAN MEREKA ITU TERHADAP AKIDAH DAN KEIMANAN UMAT ISLAM, KATANYA.

--BERNAMA 1943/AN